

SOALAN NO: 29

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]
TARIKH :
SOALAN : 29

YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah terdapat perancangan Kementerian dalam permasalahan keadaan hospital yang berhadapan dengan limpahan jumlah pesakit yang kini bertambah seperti di Kuala Pilah. Ini telah memperlihatkan penggunaan katil dan ruang bangunan hospital yang amat tidak mencukupi.

Tuan Yang di Pertua,

Kementerian mengambil maklum akan peningkatan bilangan pesakit di hospital Kementerian Kesihatan termasuklah di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN), Kuala Pilah. Sehubungan dengan itu, projek pembinaan blok wad tambahan dan naiktaraf sistem bekalan elektrik Hospital Tuanku Ampuan Najihah, Kuala Pilah telah diluluskan pelaksanaannya di dalam RMK-10.

76

Pembinaan blok wad tambahan berkapasiti 180 katil merangkumi 6 wad di samping klinik pakar, unit rawatan rapi dan dewan bedah, akan dibina di atas tapak di hospital sedia ada.

Pelaksanaan projek ini adalah di peringkat penilaian kos pembinaan dan penyediaan dokumen *preliminary detail abstract* (PDA), dengan izin, oleh pihak JKR. Projek ini dijangka tender pada pertengahan tahun 2018. Dengan terlaksananya projek ini dijangka akan dapat membantu mengurangkan masalah kesesakan yang dihadapi oleh HTAN di samping dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk Kuala Pilah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan amat prihatin dengan isu ini dan sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan kesihatan dapat diberikan kepada rakyat dengan efisien, efektif, selamat dan berkualiti walaupun bilangan pesakit semakin bertambah dari tahun ke tahun.

Pada tahun 2015, jumlah kedatangan pesakit ke klinik pakar di Hospital Kuala Pilah adalah 61,731 manakala jumlah kedatangan pesakit ke Jabatan Kecemasan Hospital Kuala Pilah adalah 54,043. Apabila dibandingkan dengan tahun 2014, jumlah kedatangan pesakit di klinik pakar dan pesakit di Jabatan Kecemasan telah meningkat sebanyak 2.2% di mana jumlah pesakit dimasukkan ke wad adalah sebanyak 22,904 orang.

Bagi memastikan setiap pesakit mendapat rawatan yang berkualiti KKM telah memperkenalkan konsep Hospital Kluster. Inisiatif Hospital Kluster

menggabungkan beberapa hospital iaitu hospital berpakar dan hospital tanpa pakar di mana akses perkhidmatan kepakaran dapat dipertingkatkan melalui lawatan pakar lebih kerap dan penempatan pakar secara berkala di hospital tanpa pakar serta sumber sedia ada dapat diguna sama. Setakat ini sebanyak 10 kluster telah dibangunkan.

Hospital Kuala Pilah telah mula melaksanakan inisiatif Kluster pada tahun 2016 dengan 2 buah Hospital tanpa pakar iaitu Hospital Jempol dan Hospital Tampin. Hasil daripada pelaksanaan Hospital Kluster ini, purata peratus penggunaan katil di Hospital Jempol dan Hospital Tampin telah meningkat daripada 40.3% sebelum pelaksanaan kluster kepada 49.0% selepas pelaksanaan kluster. Purata jumlah pesakit yang mendapat rawatan di klinik pakar kedua-dua hospital ini telah meningkat daripada 399 kes sebulan kepada 512 kes sebulan selepas pelaksanaan kluster. Dengan peningkatan kes yang dirawat di hospital Jempol dan Hospital Tampin, kesesakan Hospital Kuala Pilah dapat dikurangkan.

Inisiatif Lean Healthcare juga telah dilaksanakan di Hospital Kuala Pilah sejak tahun 2016 bagi membantu pihak hospital menangani masalah kesesakan di Jabatan Kecemasan dan Wad-wad Perubatan yang sering mengalami kesesakan pesakit kerana kadar kemasukan pesakit yang tinggi. Melalui inisiatif Lean, antara langkah penambahbaikan bagi masalah kekurangan katil wad perubatan adalah *ward levelling*. Melalui *ward levelling* katil di wad disiplin lain yang mempunyai kadar penggunaan katil yang lebih rendah digunakannya bagi mengurangkan kesesakan katil di dalam wad perubatan dan keselamatan serta keselesaan pesakit dalam menerima rawatan dapat ditingkatkan.

78

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam Rancangan Malaysia ke-11, projek pembangunan blok baru bangunan wad dan naiktaraf sistem bekalan elektrik di Hospital Kuala Pilah telah dirancang. Blok baru yang akan dibina merangkumi bangunan hospital dengan empat buah Dewan Bedah, Unit Rawatan Rapi dengan 12 buah katil dan wad pesakit dalam dengan tambahan katil sebanyak 96 buah katil.